

14 DEC 1997

SETIAUSAHA AGUNG PBB KOFI ANNAN TIBA (BERGAMBAR)

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan tiba di Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini untuk lawatan empat hari ke Malaysia.

Beliau diiringi oleh isterinya dan pegawai-pegawai daripada Sekretariat PBB.

Beliau disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Annan akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau juga akan menghadiri majlis taklimat di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MSC) dan menyampaikan ucapan pada satu majlis anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar. -- BERNAMA

MT MZ AKD